

## KPDNHEP terima lebih 2,000 aduan ketika PKP - Rosol

Nur Fazlizai Ali, Astro Awani | Diterbitkan pada Mei 12, 2020 11:05 MYT



Pengguna turut diingatkan agar memberi maklumat lengkap jika membuat aduan bagi memudahkan proses siasatan dan tindakan lanjut. Gambar hiasan

**KUALA TERENGGANU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menerima 2,772 aduan berkaitan harga barang sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada 18 Mac lepas.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 86 kes sudah diambil tindakan manakala selebihnya masih dalam siasatan dan menunggu tindakan lanjut.

Menurut beliau, sebahagian besar aduan adalah berkaitan kenaikan harga barang dalam tempoh PKP fasa pertama yang berpunca daripada aktiviti pembelian panik oleh orang ramai.

"Jumlah aduan tinggi direkodkan pada PKP fasa pertama dan selepas masuk fasa kedua, bilangannya semakin mendatar dan tidak banyak isu yang timbul selepas itu.

"Kebanyakan aduan diterima adalah berkaitan isu bekalan penutup hidung dan mulut yang tidak cukup disebabkan pembelian panik dan tindakan sesetengah peniaga tidak bertanggungjawab yang menyorok bekalan," katanya kepada pemberita di sini.

Sementara itu, Rosol mengingatkan pengguna agar memberi maklumat lengkap jika membuat aduan bagi memudahkan proses siasatan bagi mengelak rasa tidak puas hati orang ramai terhadap kementerian apabila tindakan tidak dapat dilakukan berikutan ketidaaan informasi tepat.

"Saya minta supaya orang ramai beri laporan tepat tentang jenis barang, premis dan tempat di mana kesalahan itu berlaku bagi memudahkan siasatan serta tindakan diambil... bukan berasaskan dengar-dengar cakap sahaja.

"Jika ada maklumat tepat dan sahih, pihak kami tidak akan berkompromi dan tindakan tegas akan diambil kepada peniaga lebih-lebih lagi pada masa sekarang, rakyat sedang berada dalam kesusahan," katanya.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-terima-lebih-2-000-aduan-ketika-pkp-rosol-242633>

